



Publication	Berita Harian	Section / Page	online	Date	26/8/2021
Headline	Takaful Malaysia Untung RM81.54 Juta				

KUALA LUMPUR: Keuntungan bersih Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd (Takaful Malaysia) meningkat kepada RM81.54 juta bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2021 berbanding RM75.09 juta bagi suku yang sama tahun lalu.

Menurut Takaful Malaysia dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia hari ini, pendapatan turut naik sebanyak 36 peratus kepada RM701.21 juta berbanding RM515.73 juta sebelum itu.

Kumpulan itu berkata, peningkatan hasil itu disumbang terutama daripada jualan tinggi bagi kedua-dua perniagaan takaful keluarga dan am.

Berkenaan prospek tahun semasa, kumpulan itu akan meneruskan inisiatif strategiknya bagi mengukuhkan daya tahan perniagaan dan menyesuaikan model operasinya dalam menguruskan perniagaan dalam pasaran yang berbeza dan landskap operasi yang dinamik apabila kebimbangan mengenai jaminan pekerjaan masih tinggi dan pengguna akan lebih berhati-hati dengan perbelanjaan mereka.

"Aktiviti ekonomi dijangka mengambil masa untuk pulih. Dengan ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi semasa untuk menyokong pengembangan perniagaan, kumpulan kekal berhati-hati dalam menguruskan kos operasi, pertumbuhan perniagaan dan profil risiko portfolio kami," katanya.

Takaful Malaysia berkata, mereka mempunyai pelbagai produk takaful dalam talian yang mudah diakses oleh pelanggan dan meningkatkan aktiviti dalam media sosial bagi jualan produk dalam talian.

"Bagi mengekalkan kedudukan kami sebagai peneraju pasaran dan menyokong pertumbuhan perniagaan serta mengutamakan pelanggan, kumpulan akan berusaha untuk melaksanakan lebih banyak strategi yang inovatif menerusi pelaksanaan strategi pendigitalan, penyelesaian dalam talian dan ekosistem digital, pengembangan keupayaan pengedarannya, kerjasama strategik dengan bank-bank Islam terkemuka dan inisiatif kesedaran jenama," katanya.